

03 APR 1997

MAHATHIR HANTAR PERUTUSAN KEPADA PM PERSEKUTUAN RUSIA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Persekutuan Rusia Victor Chernomyrdin sempena ulangtahun ke-30 jalinan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra hari ini, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara mempunyai hubungan rapat dalam bentuk kerjasama perdagangan, ekonomi, sains, teknologi dan pelancongan.

"Saya percaya ada prospek baik untuk memperluaskan bidang kerjasama antara kita," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya E. Primakov.--BERNAMA

LES NAK